

13 JAN 2003

Hamid - Syariah

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Khas Mengenai Undang-Undang Syariah
(membetulkan headline)

PULAU PINANG, 13 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan mesyuarat khas dengan semua majlis agama Islam negeri dan pihak yang terlibat dengan undang-undang syariah bagi membincangkan isu penyeragaman undang-undang berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin hari ini berkata, mesyuarat itu akan diadakan dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, walaupun kerajaan telah berusaha untuk menyeragamkan undang-undang syariah dan enakmen kekeluargaan Islam antara majlis-majlis agama negeri, namun ia masih mengalami pelbagai masalah daripada aspek teknikal.

Beliau berkata, mesyuarat yang bakal diadakan itu akan membuka ruang perbincangan mengenai masalah-masalah teknikal yang timbul walaupun penyeragaman undang-undang berkenaan telahpun dipersetujui oleh Majlis Raja-raja.

"Kita serius dalam usaha untuk menyeragamkan undang-undang syariah dan disebabkan itulah kita telah memperkenalkan E-Syariah bagi membolehkan semua mahkamah syariah mempunyai hubungan antara satu sama lain," kata Abdul Hamid.

Terdahulu itu, beliau meraikan 470 bakal haji yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini.

Katanya, jemaah dari Malaysia sebenarnya disegani oleh semua jemaah lain dari seluruh dunia kerana kebajikan dan urusan mengerjakan haji mereka diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji.

Abdul Hamid berkata, disebabkan pengurusan jemaah haji yang baik, rakyat Malaysia dapat mengerjakan haji dengan sempurna dan teratur berbanding dengan jemaah lain.

"Kita harus jaga nama baik kita dan jangan terlibat dalam sebarang perkara yang di luar tujuan mengerjakan haji," katanya.

-- BERNAMA

AZE MAI